

Projek Kemasyarakatan

Fun and Innovative English Teaching

Akademi Pengajian Bahasa

UiTM Cawangan Negeri Sembilan

ZAINON ISMAIL

Ketua Pusat Pengajian, Akademi Pengajian Bahasa
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Negeri Sembilan menganjurkan satu projek kemasyarakatan yang dinamakan "Fun and Innovative English Teaching" (FIET) yang melibatkan 221 orang guru TASKA dan TABIKA KEMAS di tiga daerah iaitu Kuala Pilah, Seremban dan Rembau. Projek telah dimulakan pada bulan Jun dan dijangka berakhir pada November tahun 2021.

FIET, selaras dengan Revolusi Industri 4.0 dalam Pendidikan, di mana negara perlu mengorak langkah ke arah pengajaran yang dipandu teknologi digital yang lebih bersifat interaktif dan fleksibel. Oleh itu, warga pendidik perlulah melengkapkan diri dengan pengetahuan teknologi maklumat serta komunikasi (ICT) bagi membolehkan mereka mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 dan memantapkan lagi sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P).

The poster features the title "FUN AND INNOVATIVE ENGLISH TEACHING (FIET)" in large blue capital letters at the top left. Below it, the word "anjuran" is written in smaller blue capital letters. At the bottom left, the text "AKADEMI PENGAJIAN BAHASA" and "UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN" is displayed above a photograph of the university's modern buildings. The bottom right corner contains the text "UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN". The poster is framed by a torn paper effect at the top and bottom.

FIET dijalankan secara dalam talian yang meliputi latihan secara webinar dan penghasilan video pengajaran Bahasa Inggeris berdasarkan kurikulum Bahasa Inggeris Pra-Sekolah oleh para guru terlibat untuk dipertandingkan di peringkat daerah dan seterusnya di peringkat Negeri Sembilan.

Tiga siri latihan Webinar bertemakan "Teaching Aids in Fun and Innovative English Teaching" (Siri 1), "Online Games in Fun and Innovative English Teaching" (Siri 2) dan "Song and Action in Fun and Innovative English Teaching" (Siri 3) dikendalikan oleh para pensyarah Akademi Pengajian Bahasa dari Kampus Kuala Pilah, Kampus Seremban dan Kampus Rembau secara bergilir-gilir. Latihan merangkumi 9 jam secara keseluruhan.

Selepas mengikuti kesemua sesi latihan, para guru secara berkumpulan akan menghasilkan video pengajaran Bahasa Inggeris dengan menggunakan pakai pelbagai kaedah pengajaran yang telah didedahkan semasa webinar dan bersesuaian dengan Kurikulum Bahasa Inggeris Pra-Sekolah.

Mesyuarat secara dalam talian telah diadakan di antara Akademi Pengajian-

Bahasa dan pihak KEMAS pada 8 Jun 2021 yang dihadiri oleh Encik Muhamad Bin Abu Bakar, Pengarah KEMAS Negeri Sembilan, Puan Halija Binti Mohd Talib, Penolong Pengarah KEMAS Negeri Sembilan dan tiga orang Penolong Pegawai Pendidikan Awal Kanak-Kanak Daerah mewakili daerah Kuala Pilah, Seremban dan Rembau sebelum projek kemasyarakatan ini diadakan.



Dengan terlaksananya FIET, diharapkan para guru TASKA dan TABIKA KEMAS dapat menarik minat anak-anak kecil yang berumur di antara 4 hingga 6 tahun untuk mempelajari Bahasa Inggeris dengan cara yang menyeronokkan dan berkesan walaupun pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian. Di samping itu, FIET juga memberikan pendedahan kepada para guru mengenai pelbagai kaedah yang boleh digunakan bagi memastikan pengajaran yang berkesan.